

Licuala stongensis

Famili : Arecaceae

Genus : Licuala

Spesies : *Licuala stongensis*



Licuala stongensis merupakan salah satu daripada spesies palma berbentuk kipas yang sangat berpotensi sebagai tumbuhan hiasan. Merupakan spesies baru bagi Semenanjung Malaysia yang dijumpai semula semasa Ekspedisi Saintifik di Gunung Stong, Kelantan. Merupakan spesies yang endemik bagi Gunung Stong dimana nama spesies ini juga turut diberikan bersempena lokasi penemuan spesies ini. Gunung Stong dikenali sebagai lokasi yang mengandungi pelbagai spesies yang sukar dijumpai di lokasi lain. Kesenambungan daripada itu, dan juga berdasarkan penemuan lain sewaktu ekspedisi ini Kerajaan Negeri Kelantan telah mengumumkan komitmen untuk melindungi kawasan tersebut dengan mewartakan Hutan Simpan Gunung Stong Tengah sebagai Taman Negeri. Keluasan bagi Taman Negeri Gunung Stong adalah kira-kira 21,950 hektar.